



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## KENYATAAN MEDIA

### KPWKM MEMBANTAH PERKAHWINAN BAWAH UMUR

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) ingin memaklumkan perkembangan terkini berhubung kes perkahwinan kanak-kanak di Malaysia, secara khususnya kes perkahwinan kanak-kanak melibatkan seorang lelaki berusia 41 tahun dan kanak-kanak berusia 11 tahun di Negeri Kelantan bulan lalu.

KPWKM tegas berpendirian bahawa kanak-kanak perlu diberi peluang untuk mengembangkan potensi sepenuhnya selaras dengan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC). Perkahwinan pada usia yang terlalu muda jelas bercanggah dengan prinsip perkembangan kanak-kanak dan sewajarnya dielakkan. KPWKM menolak sama sekali perkahwinan yang melibatkan kanak-kanak pada usia yang terlalu muda, lebih-lebih lagi dengan pasangan dewasa.

Pada masa ini, Polis Di Raja Malaysia sedang menjalankan siasatan terperinci ke atas kes ini. Kementerian menjangkakan bahawa siasatan dan semakan terperinci kes ini akan selesai segera bagi membolehkan tindakan perundangan yang bersesuaian dan tepat dapat diambil ke atas pesalah. Kementerian ini juga bersama Jabatan Peguam Negara akan memastikan bahawa keadilan ditegakkan dan hak-hak kanak-kanak disokong.

Kementerian ini telah terlibat bersama pihak berkepentingan termasuk Pertubuhan Bukan Kerajaan Wanita dan Kanak-Kanak, beberapa pakar agama dan Mufti serta Mahkamah Syariah Malaysia serta pada masa yang sama, Jabatan Kebajikan Masyarakat juga sedang memantau status kebajikan kanak-kanak ini dan keluarga.

Kes ini telah membuka kepada isu yang lebih besar yang melibatkan beribu perkahwinan kanak-kanak di Malaysia. Ini merupakan satu masalah sistemik yang memerlukan

analisis punca masalah secara terperinci dan penyelesaian masalah yang kekal.

Sebagai langkah jangka masa panjang, Kementerian sedang dalam usaha bersama Menteri Hal Ehwal Agama di Pejabat Perdana Menteri untuk menetapkan had umur minimum bagi perkahwinan di dalam semua perundangan kepada 18 tahun. Perkara ini melibatkan Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam (Sarawak) 2001, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam setiap negeri, Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976, Enakmen Mahkamah Anak Negeri 1992 di Sabah, dan undang-undang adat kaum peribumi di Sarawak.

Kerajaan mengalu-alukan pengumuman Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) mengenai cadangan menaikkan had umur minimum perkahwinan untuk kanak-kanak perempuan beragama Islam kepada 18 tahun. Diharapkan bahawa inisiatif yang sama turut dipertimbangkan oleh negeri-negeri yang lain ke arah menyelaraskan had umur minimum perkahwinan di Malaysia.

Selain daripada mengubah perundangan dan polisi, adalah penting untuk memperkasakan pengetahuan ibu bapa mengenai kesan negatif perkahwinan kanak-kanak. Kanak-kanak ini dinafikan hak kesihatan, pendidikan, keselamatan dan perkembangan diri mereka. Kita perlu memperkasakan pengetahuan komuniti bahawa praktis perkahwinan kanak-kanak bersandarkan kepada budaya atau adat adalah salah dan pendidikan serta peluang latihan merupakan kunci kepada masa depan cerah anak-anak kita.

Kerjasama erat dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Hal Ehwal Ekonomi penting untuk menghapuskan kemiskinan, meningkatkan taraf hidup komuniti luar bandar dan memberi peluang pemerksaan ekonomi terutama kepada wanita untuk memastikan keluarga tidak memilih perkahwinan kanak-kanak demi kelangsungan hidup.

###

**Unit Komunikasi Korporat**  
**Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**  
**PUTRAJAYA**  
**5 Ogos 2018**